

Hormati keputusan Ahmad Yunus

BANTING - Kenyataan Adun Sijangkang, Datuk Dr Ahmad Yunus Haini yang mahu melepasan kerusi Dun Sijangkang pada PRU akan datang dihormati.

Ketua Pemuda Umno Kuala Langat, Mohd Jefrizal Jaafar berkata, Umno atau BN tiada mengetahui hasrat beliau untuk memerlakukan kerusinya kepada orang lain.

Menurutnya, apa pun pihaknya menghormati apa jua keputusan beliau kerana sebagai tuan pu-rya diri yang mengetahui kondisi diri sendiri.

"Sebagai wakil rakyat beliau tahu kemampuannya untuk sama ada terus berkhidmat atau berhenti memberikan khidmatnya dan seterusnya memberi laluan kepada muka baharu.

"Secara peribadi, mengetahui beliau dan satu kampung denganannya kita akui beliau adalah segera.



Beliau tahu sama ada wajar terus berkhidmat atau berhenti.
- Mohd Jefrizal

orang pemimpin yang baik dan rendah diri, tetapi dengan cabaran kemahanan dan keperluan rakyat kita perlu seorang wakil yang bukan sekadar baik dan disenangi namun mampu bekerja kuat untuk membelas masib rakyat terutama cabaran hidup sertapartis dan tinggi ini," kata-nya kepada *Sinar Harian*.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai kenyataan Ahmad Yunus yang mahu melepasan rekodnya.

Orang pemimpin yang baik dan rendah diri, tetapi dengan cabaran kemahanan dan keperluan rakyat kita perlu seorang wakil yang bukan sekadar baik dan disenangi namun mampu bekerja kuat untuk membelas masib rakyat terutama cabaran hidup sertapartis dan tinggi ini," kata-nya kepada *Sinar Harian*.

Menurutnya, dua penggal Umno-BN menjadi pembangkang di Selangor dan khusus di Kuala Langat tetapi rekod menunjukkan bahawa Umno-BN tidak pernah gagal memberi khidmat kepada masyarakat dengan baik.

Menurutnya, melalui gerak kerja dengan ahli parti, perkembangan dalam masyarakat dapat diatur dengan baik tidak seperti dahulu melakukan gerak kerja secara rambang.

"Kali ini kita lebih fokus kepada ahli parti, segala program kita bersama dan kemudian kita boleh perintus aktiviti dari situ.

"Tak adalah macam dahulu kita buat kerja secara rambang, jadi kami lebih fokus kepada ahli parti," katanya kepada *Sinar Harian* ketika ditemui dalam Perasmian Jelajah

Lebihkan integrasi dengan ahli parti



Siock Hwa bersama sebahagian pemimpin masyarakat dan ahli Briged P112.

JENJAROM - Menjelang PRU14, kebanyakan pemimpin setempat terus mendekati rakyat dengan pelbagai cara demi memantapkan sokongan.

Bagaaimanapun, bagi Ketua Wanita MCA Bahagian Kuala Langat, Ng Siock Hwa berkata, beliau berperanan melebihbilangan program untuk berinteraksi dengan ahli parti.

Menurutnya, melalui gerak kerja dengan ahli parti, perkembangan dalam masyarakat dapat diatur dengan baik tidak seperti dahulu melakukan gerak kerja secara rambang.

"Kali ini kita lebih fokus kepada ahli parti, segala program kita bersama dan kemudian kita boleh perintus aktiviti dari situ.

"Tak adalah macam dahulu kita buat kerja secara rambang, jadi kami lebih fokus kepada ahli parti," katanya kepada *Sinar Harian* ketika ditemui dalam Perasmian Jelajah

Singgah dari Kemas Surau dan Masjid di Balai Rayai Serbaguna Taman Sejahtera, Jenjarom anjuran Briged Gempur N52 Dun Banting dan N51 Dun Sijangkang.

Siock Hwa yang diumumkan bakal calon Dun Banting oleh kepimpinan bahagian MCA Bahagian Kuala Langat memberitahu harapan untuk menang di Dun itu memang ada.

Katanya, beliau yakin peratusan pengundi boleh meningkat mencapai sehingga 30 peratus berbanding pada PRU yang lalu.

"Makumlah, jika orang tipu lama-lama akan terborgkak. Dalam situasi hari kita nak cakap penyokong hardcore (tegar) tak boleh juga... sebab masih lagi tanda tanya, bagi saya undi itu rahsia."

"Kita kena tunggu keputusan keluar baru boleh percaya siapa yang menangi hati rakyat," katanya.

Dua kawasan baharu kes denggi

Taman Baiduri dan Taman Sari kawasan yang aktif

NURUL FIRDAUS KHAI

BANTING

Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Langat mengenalpasti dua kawasan baru melibatkan kes denggi yang perlu ditangani segera.

pegawai Kesihatan Daerah Kuala Langat, Dr Wan Ahmad Razman Wan Abdul Salim berkata, dua kawasan itu adalah di Taman Baiduri dan Taman Sari yang menunjukkan kawasan aktif denggi.

Menurutnya, pada tahun ini sahaja sebanyak 250 kes yang dilaporkan sehingga pihaknya terpaksa mengadakan beberapa siri pemantauan bagi mengelakkan pembiakan nyamuk Aedes berlaku.



Sebahagian penduduk yang terlibat dalam aktiviti pencegahan nyamuk Aedes.

"Kita dapat kawasan baharu ini wujud disebabkan persekitaran rumah penduduk terdapat pembiakan nyamuk Aedes termasuk menjumpai bekas-bekas yang boleh menyebabkan pembilakah nyamuk Aedes berlaku.

"Penduduk disarankan mainkan peranannya untuk mencegah denggi secara berterusan dan sekranya mengalami demam panas juga diarahkan mendapat rawatan awal

bagi mencegalkan kematan dan mencegah penularan penyakit demam denggi," katanya kepada pemberita mengulas mengenai kempen kesedaran mengenai bahaya penyakit demam yang dilaksana se-rentak di daerah Kuala Langat semalam.

Wan Ahmad berkata, kempen itu melibatkan 26 kawasan lokalti yang disertai oleh ahli combi, kawasan rukun tetangga, pen-

duduk, sukarelawan, persatuan penduduk, ahli majlis, ketua kampung dan komuniti setempat.

Katanya, kempen itu bertujuan untuk menyedarkan masyarakat tentang bahaya penyakit demam dengan serta langkah-langkah yang perlu diambil oleh semua penduduk dalam mencegah dan mengawal penyakit demam dengan daripada berfiku dan merebak.

"Kes demam denggi yang di-

info • 250 kes yang dicatatkan tahun ini, terpaksa perbanyak pemantauan untuk elak pembiakan Aedes

laporkan di daerah Kuala Langat agak tinggi dan membimbangkan.

"Peranan semua pihak terutama penduduk itu sendiri sangat diperlukan untuk sama-sama membantu menangani isu denggi dan kenyataan bahawa kawalan denggi hanya dilakukan oleh pihak pejabat kesihatan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sahaja tidak benar dan perlu diubah," katanya.

Beliau berkata, kes denggi yang berlaku kebanyakannya berpunca dari rumah penduduk yang kurang diberi kerjasama kepada petugas anggota kesihatan apabila melakukan pemeriksaan ke rumah dan "fogging".

Dalam kempen tersebut, pihaknya turut mempromosikan kempen supaya setiap penduduk dapat menggunakan masa 10 minit untuk melakukan pembersihan di rumah.